

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 10/4/2016

Muka surat: 12

Tajuk : UF atasi masalah bekalan air bersih

UF atasi masalah bekalan air bersih

SELANGAU: Pengenalan Sistem Ultrafiltration (UF) berpotensi untuk menyelesaikan masalah bekalan air minuman bersih dan terawat di pedalaman Sarawak dan Sabah.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun berkata, sistem UF direka bentuk oleh pasukan kejuruteraan Universiti Malaya (UM) bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Malaysia Innovation Hub yang bekerjasama dalam pelaksanaan sistem tersebut untuk merawat air minuman di Sarawak.

Beliau menyifatkan sistem UF sama ada menggunakan tenaga solar atau elektrik berharga RM100,000 seunit adalah berbaloi jika melihat kepada keadaan ataupun situasi di Sarawak.

"Niat saya memang hendak bagi projek ini kepada seluruh luar bandar di Sarawak dan Sabah tertakluk kepada dana. Di Semenanjung, keperluannya mungkin tidak begitu sangat memerlukan. Keutamaan dan tumpuan kita ialah Sarawak dan Sabah.

"Tadi (semalam) saya berbincang sedikit tentang bagaimana alternatif-alternatif yang mungkin kita cuba untuk mencari dana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Demonstrasi Sistem Ultrafiltration (UF) mer-

awat air minuman di Rumah Senabong, di sini semalam.

Joseph Entulu yang juga Ahli Parlimen Selangau menegaskan, sistem UF yang dipasang di Rumah Senabong akan dikekalkan kerana dibiayai melalui dana disumbangkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Beliau turut meminta ketua masyarakat dan penghulu supaya menghantar senarai rumah panjang bagi tujuan tersebut.

"Saya perlukan senarai rumah panjang kerana kita tidak dapat memberi setiap rumah panjang yang berasingan disebabkan kosnya yang menjadi kekangan.

"Jadi, apa yang hendak saya rancangkan ialah di manakah kelompok-kelompok rumah panjang yang ada dan berapa ramai isi keluarga di sana. Maka di situlah akan menjadi tumpuan utama kita nahti dan kawasan itu mesti jauh dari tepi jalan raya.

"Tempat atau kelompok rumah panjang ini kemungkinan agak lama belum dapat menikmati air dari sistem varitukulasi, jadi inilah tumpuan kita nanti," katanya.

Ditanya mengenai perbandingan sistem UF dengan Life Server, Joseph Entulu menjelaskan, dalam jangka masa panjang dari segi kos sistem UF adalah berbaloi berbanding Life Saver yang memerlukan

banyak servis dan servis itu telah disalurkan kepada beberapa tempat di Sarawak.

"Saya difahamkan, dulu belum dibincangkan siapa yang akan memberi servis pada sistem Life Server. Di kawasan saya ada beberapa unit Life Server sampai hari ini belum dipakai walaupun sudah dipasang.

"Sistem UF ini sangat mudah diguna pakai cuma suis On dan suis Off," jelasnya.

Pembangunan sistem UF dibiayai melalui geran Kementerian Pengajian Tinggi dan menghasilkan prototajp berfungsi yang diuji di beberapa lokasi di Malaysia termasuk Termeloh, Pahang semasa banjir pada akhir 2014.

Turut hadir Ketua Jabatan UM Professor Ir Dr. Mohd Azlan Hussain, Timbalan Dekan UM Profesor Dr. Mohamed Kheireddine Aroua, Pengarah Bahagian Perhubungan Industri Kementerian Pengajian Tinggi Profesor Madya Dr. Arham Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Innovation Hub (MIH) Vincent Wong Wai Sang dan Dr. Nazeri Abdul Rahman dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Kemampunan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, Penghulu Jirum Jurampang Ratoh dan Penghulu Michael Jelani.

Disedi
Bahag

AIR BERSIH... Joseph Entulu merasai sendiri air bersih dan terawat yang dihasilkan melalui sistem UF pada majlis demonstrasi di Rumah Senabong semalam. Sambil disaksikan Mohd Azlan, Mohamed dan Tuai Rumah Senabong.

